

'Rakyat lebih suka pilih roti berbanding undi'

Kuala Lumpur: Tumpuan kepada percaturan agenda politik apabila Parlimen kembali bersidang boleh menyebabkan negara terjerat konflik yang menjejaskan usaha menangani pandemik COVID-19 dan pemulihan ekonomi rakyat.

Felo Kanan Majlis Profesor Negara, Dr Jeniri Amir, berkata semua pihak perlu memahami pandangan dizahirkan Yang di-Perutusan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Mustafa Billah Shah berkenaan keperluan pentadbiran kerajaan yang stabil dan kukuh serta berupaya berfungsi dengan berkesan dalam menangani wabak COVID-19 serta memulihkan ekonomi negara.

Beliau berpendapat, perkara tersirat di sebalik pandangan dizahirkan Seri Paduka itu, kestabilan kerajaan ialah tidak harus ada pihak yang cuba menggoncang pentadbiran sedia ada sehingga mencetuskan konflik.

Katanya, pergolakan politik akan menyebabkan negara terjerat dalam konflik yang memungkinkan tumpuan yang sepatutnya terarah kepada usaha menangani pandemik COVID-19 dan pemulihan ekonomi rakyat serta negara, tersasar jauh.

"Wacana sidang Parlimen yang dibuka kelak, mesti melangkaui kepentingan parti atau ideologi politik supaya dapat mengutamakan kepentingan rakyat dan negara berpaksikan titah nasihat Seri Paduka Baginda.

"Jangan ambil kesempatan menumbangkan kerajaan atau bermain politik kerana akhirnya ia akan menjadi satu pukulan teruk kepada imej dan reputasi ahli politik yang kita semua sedia maklum, sudah pun buruk di mata rakyat.

"Soal politik tidak penting bagi rakyat kerana sekarang bukan sahaja bergelut dengan COVID-19, bahkan ekonomi juga terancam. Jadi lebih baik diselesaikan dua masalah mendesak ini dahulu," katanya kepada *BH*, semalam.

Sementara itu Jeniri, berkata sekarang adalah masa untuk semua pemimpin politik mendengar suara rakyat yang berkuasa memberikan mandat kepada mereka untuk terus berada dalam Dewan Rakyat.

"Sesiapa nak bermain politik atau memanipulasikan keadaan ini untuk tujuan kuasa, saya fikir mereka akan terima bahana kecaman rakyat. Imej yang sudah teruk jangan terus diburukkan lagi.

"Selepas pandemik COVID-19 reda atau kita semua berjaya mencapai kekebalan kelompok, mungkin tahun depan kita sudah

boleh buat Pilihan Raya Umum (PRU)," katanya.

Penganalisis politik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata sidang Parlimen sewajarnya menjadi platform berbahas dan mengambil langkah konsensus untuk membantu kerajaan dan negara pulih daripada COVID-19.

Katanya, ahli Parlimen dan ahli politik mesti berjiwa besar, jika tidak rakyat yang diwakili mereka tidak akan memaafkan.

"Sebarang krisis politik tidak akan memberi apa-apa keuntungan kepada rakyat. Hanya keegoan yang dipamerkan dan akhirnya memakan diri sendiri.

"Jangan lupa apa yang berlaku ketika Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah apabila ahli politik cukup yakin persaingan politik boleh menyelesaikan masalah. Hakikatnya ia jauh daripada kebenaran," katanya.

Mengulas lanjut Mohd Izani, berkata ketika krisis, mengurus demokrasi bukan hal yang mudah terutama apabila ada pemimpin yang masih tidak peka dan

gagal memahami keutamaan.

Katanya, jika selama ini ahli politik sering menggunakan alasan tindakan mereka bersandarkan kemahuan dan kepentingan rakyat, sudah tiba masa rakyat bersuara menyatakan apa sebenarnya kemahuan mereka ketika ini.

"Saya percaya, rata-rata rakyat Malaysia yang rasional tidak mahu lagi berhadapan dengan satu lagi krisis politik kerana COVID-19 mengajar mereka erti perjuangan kehidupan yang sangat getir.

"Berdasarkan satu analogi dalam demokrasi, saya yakin jika rakyat ketika ini diberikan pilihan sama ada diberi roti (makan untuk kelangsungan hidup) dan undi (mandat untuk kerajaan baharu), mereka akan memilih roti," katanya.

Pensyarah Kanan di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Kamarul Zaman Yusoff, berkata sudah tiba masanya untuk semua pemimpin mengetepikan fahaman politik dan bersama-sama menyelesaikan permasalahan semasa.

Katanya, sidang Parlimen yang bakal disambung tidak boleh dijadikan medan untuk jatuh menjatuhkan di antara satu sama lain atau untuk berebut kuasa.

Katanya, jika ini berlaku ia pasti bercanggah dengan pandangan dizahirkan Agong dan Raja-Raja Melayu yang mahu semua pihak fokus kepada usaha

menangani COVID-19 dan pemulihan ekonomi.

"Jangan menuding jaring. Jangan asyik mengkritik tanpa menawarkan alternatif penyelesaian. Jangan menyediakan fakta yang menyeleweng sehingga membangkitkan kerisauan masyarakat. Jadilah ahli politik yang matang dan bukan menjadi binatang politik," tegasnya.

Kamarul berkata, beberapa parti politik seperti DAP dan UMNO sudah menyatakan komitmen tidak membuat usul undi tidak percaya dan perkara itu sepatutnya menjadi pendorong kepada kerajaan untuk lebih segera menasihati Yang di-Perutusan Agong untuk memanggil sidang Parlimen.

Beliau berpendapat, kerajaan perlu segera menghadap Seri Paduka untuk mendapatkan tarikh persidangan Parlimen kerana ia memberikan gambaran bahawa kerajaan serius terhadap pandangan yang dizahirkan Istana.

"Cuma apabila bersidang, jangan lari fokus kerana sudah tentu rakyat memerhatikannya dengan rapat dan Raja-Raja pun tidak akan berkenan jika ada perlakuan sebegini.

"Persefahaman (tidak gugat kerajaan) itu perlu ada sampai akhir tahun ini sekurang-kurangnya. Apabila COVID-19 reda dan kekebalan kelompok dicapai, Parlimen bolehlah dibubarkan untuk beri laluan kepada PRU-15," katanya.



Jeniri Amir



Mohd Izani Mohd Zain